

250 'pendekar' duga kehandalan

22 NOV 1982

SERAMAI 250 orang 'pendekar' akan bertarung untuk merebut gelaran juara silat dalam Pesta Silat 1982 peringkat kebangsaan anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) pada bulan depan.

Bagaimanapun, sebelum melayakkan diri ke peringkat akhir yang akan diadakan pada 25 dan 26 Disember di Dewan Badminton, Gullemand Road, para peserta itu terpaksa bersaing antara satu sama lain dalam peringkat saringan, suku akhir dan separuh akhir.

Peringkat saringan itu akan diadakan setiap Ahad mulai semalam hingga 19 Disember di Sekolah Menengah Mayflower, Ang Mo Kio.

Para pesakit itu akan menyertai dua bahagian iaitu bahagian olahraga perseorangan dan tarian silat berkumpulan.

Undangan

Sempena dengan pesta itu, lapan orang pesilat dari Persatuan Seni Silat Dipopojo Selangor yang diundang khas buat pertama kalinya, akan turut bertarung dengan beberapa buah perguruan silat Singapura dalam bahagian olahraga silat undangan.

Mengumumkan butir-butir pesta silat itu, Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, menyatakan bahawa pesta kali ini lebih menarik dan hebat.

Menurutnya, para peserta bahagian olahraga telah menjalani ujian kecergasan jasmani oleh sekumpulan pakar perubatan yang dipinjamkan oleh Majlis Sukan Singapura (SSC).

Ini merupakan julung-julung kalinya ujian lengkap seperti itu diadakan kerana sebelum ini para peserta hanya diperlukan menghantar laporan perubatan mereka saja.

Tarian

"Dalam ujian kecergasan jasmani itu, para peserta dikehendaki lulus beberapa ujian termasuk angkat berat, lari sejauh 1.5 kilometer, menguji degupan jantung dan melakukan beberapa latihan jasmani.

"Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa para peserta benar-benar cergas untuk menghadapi pertandingan itu yang sememangnya memerlukan kecergasan jasmani," jelas Encik Johari.

Pencauk Silat

Dari 128 orang peserta yang mendaftar untuk semua kelas, seramai 114 telah lulus ujian itu termasuk 19 orang wanita.

Dalam bahagian tarian seni silat kumpulan, seramai lapan pasukan akan menyertai bahagian ini yang juga merupakan pertama kali diperkenalkan dalam pesta tersebut.

Para peserta bahagian ini akan menunjukkan tarian silat mereka dengan iringan kumpulan Game Lan.

Ticket2

Encik Johari juga mengumumkan bahawa Setiausaha Agung Persekutuan Pencak Silat Antartarabangsa (Persilat), Encik Oyong Karmayuda, akan menghadiri pesta itu, untuk mengadakan mesyuarat mengenai persiapan mesyuarat agung Persilat yang akan diadakan pada tahun depan di Kuala Lumpur.

Persilat dianggotai oleh Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Encik Johari menyatakan bahawa tiket-tiket untuk menyaksikan peringkat akhir pesta silat itu kini dijual dan boleh didapati di kedai buku Haji Hashim di Geylang Serai dan Arab Street.

Tiket-tiket juga boleh didapati menerusi Encik Ismaon bin Ali, Blok 1, 88-F, Spottiswoode Park atau telefon 2204541, dan Encik Johari di Blok 10, 2731-F, Eunos Crescent, telefon 7458669.

3,000 terima ijazah seni Silat Lincah

Pencauk Silat

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kira-kira 3,000 orang akan menerima ijazah Seni Silat Lincah dalam majlis penyampaian ijazah kali ke-12 peringkat kebangsaan di padang Kelab Sukan Hospital Besar di sini pada 12 Disember ini.

Setiausaha Agung, Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia, Haji Wahud Haji Abdullah memberitahu hari ini, serentak dengan itu juga 50 orang ditabah menjadi jurulatih dan lapan jurulatih kanan. Bagi penerimaan ijazan, katanya, seramai 1,000 orang penerima dari

Selangor, 600 dari Pulau Pinang, 450 dari Wilayah Persekutuan, 400 dari Negeri Sembilan, 210 dari Kedah dan 200 orang lagi dari Johor dan Perak dan seorang dari Sarawak.

Menurut Haji Wahud, di majlis itu juga seramai 30 orang menerima Selendang Tinggi, iaitu 18 dari Selangor, lapan dari Pulau Pinang, tiga dari Wilayah Persekutuan dan seorang dari Kedah.

Katanya, beberapa orang wartawan akbar juga akan dikurniakan hadiah kerana kerjasama dengan pertubuhan itu. Bagaimanapun, Haji Wahud enggan memberikan nama-nama wartawan itu.